

Cara baru pilih presiden UMNO (baru)

Oleh Kamal Zailani

KUALA LUMPUR 13 April — Jawatankuasa Penaja UMNO (baru) malam ini memutuskan pencalonan oleh bahagian bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden akan diambil kira sebagai 10 undi tambahan dalam pemilihan parti itu kelak.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, jumlah undi tambahan itu kemudiannya akan dikira dengan undi yang diperolehi dalam perhimpunan agung parti untuk menjadi penentu dalam pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden.

Dalam pemilihan di perhimpunan agung setiap bahagian akan terus diwakili oleh 11 anggota perwakilan.

Peraturan baru itu diputuskan oleh Jawatankuasa Penaja UMNO (baru) dalam mesyuarat agung khas di sini untuk meminda perlembagaan parti yang dipengerusikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu beliau menjelaskan peraturan baru itu disyorkan kerana didapati ada wakil bahagian tidak menghiraukan keputusan pencalonan bahagian semasa mengundi di perhimpunan agung.

Mereka, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, seringkali membuat keputusan yang bertentangan dan perkara ini tidak wajar berlaku.

Beliau berkata, pemilihan dahulu tidak memberi gambaran sebenar hasrat ahli-ahli UMNO kerana terdapat segelintir perwakilan yang tidak mematuhi keputusan bahagian.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengumumkan bahawa jawatan Ketua Pemuda dan Wanita di peringkat kebangsaan akan dilantik oleh Majlis Tertinggi setelah menerima pencalonan dari bahagian.

Bagaimanapun, katanya, di peringkat cawangan dan bahagian, jawatan itu masih dipertandingkan.

Menurutnya, Majlis Tertinggi akan melantik Ketua Pemuda dan Wanita memandangkan pertandingan bagi jawatan tersebut sebelum ini seringkali menimbulkan perkara-perkara kurang sihat.

Mengenai jawatan Ketua Pemuda dan Wanita di peringkat negeri, beliau berkata ia akan mengikut perlembagaan UMNO (lama) iaitu perlantikan dibuat oleh Ketua Pergerakan Peringkat Pusat.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat tersebut juga meluluskan Perlembagaan UMNO (baru) dan akan dibentangkan di perhimpunan agung yang pertama untuk dinersetujui

“Kita akan menghantar perlembagaan ini ke Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari,” katanya.

Beliau menambah, peraturan juga dibuat supaya tiap-tiap ahli UMNO menggunakan saluran - saluran yang ada dalam parti dan tidak membawa ke mahkamah untuk menyelesaikan masalah.

Bagaimanapun, katanya sekiranya mereka tidak sayangkan parti, UMNO (baru) tidak berhak untuk menghalang mereka membawa parti ke mahkamah.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu, bilangan wakil Pemuda dan Wanita ke perhimpunan agung juga ditambah dari lima kepada 30 orang.